

## LEGASI MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA: ANTARA KEKANGAN TRADISIONALISME DAN TUNTUTAN LIBERALISME

Muhammad Ikhlas Rosele<sup>582</sup>

Mohd Anuar Ramli<sup>583</sup>

Mohd Farhan Md. Ariffin<sup>584</sup>

Syamsul Azizul Marinsah<sup>585</sup>

### **ABSTRAK**

*Mazhab Syafi'i sudah lama bertapak di Malaysia seiring dengan perkembangan Islam di Alam Melayu. Kelangsungan proses transmisi mazhab ini sama ada dari rantau Timur Tengah mahupun benua India diperkuatkan melalui aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyebaran karya-karya dan pemikiran. Malah mazhab Syafi'i telah dijadikan pegangan rasmi bagi beberapa buah negara di Alam Melayu. Kerana itulah fiqh mazhab Syafi'i dianggap satu warisan keilmuan yang amat berharga di Malaysia kini. Berasaskan kenyataan tersebut, kajian ini akan melakukan tinjauan terhadap kelangsungan mazhab Syafi'i pada hari ini. Ia berikutnya berlakunya beberapa polemik dan isu pemikiran yang dilihat menggugat kedudukan mazhab Syafi'i di Malaysia. Gugatan itu lahir kesan antara interaksi yang tidak harmoni antara kelompok tradisionalis yang mempertahankan status quo mazhab dan kelompok golongan liberal yang ingin melepaskan diri daripada tradisi fiqh dengan wajah pasca modernisme. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji akan membincangkan isu-isu yang menjadi polemik dalam kalangan aliran berkaitan. Hasil kajian mendapati, kedudukan dan kelangsungan mazhab Syafi'i di Malaysia pada hari ini wajar dipertahankan khususnya sebagai mekanisme perpaduan umat Islam. Namun ia masih memerlukan kepada penyesuaian semasa selaras dengan kaedah usul yang dikemukakan dalam mazhab tersebut. Ini bererti, penentuan hukum dalam kerangka mazhab Syafi'i sesuai pada hari ini perlu kepada penilaian semula dengan menggunakan metode usul mazhab Syafi'i agar ia dapat terus diperaktiskan dalam keadaan masyarakat yang berubah.*

**Kata kunci:** fiqh, mazhab Syafi'i, legasi keilmuan, tradisionalisme, liberalisme

### **PENGENALAN**

Artikel ini dibangunkan untuk memperkasakan warisan mazhab Syafi'i yang telah lama bertapak di Malaysia. Mazhab Syafi'i merupakan mazhab utama di Malaysia yang mempunyai keistimewaan. Namun terdapat beberapa cabaran dankekangan terhadap kelangsungan mazhab Syafi'i di Malaysia. Antara cabaran yang berlaku adalah sebagaimana fokus utama kajian ini iaitu kekangan tradisionalisme dan tuntutan liberalisme. Oleh itu, kajian dijalankan untuk mengemukakan relevansasi mazhab Syafi'i di Malaysia dalam berhadapan dengan cabaran seumpama itu. Kajian ini juga akan menyentuh perkembangan mazhab Syafi'i di Tanah Melayu dan kedudukannya sebagai asas membuktikan keistimewaan serta kepentingannya untuk dipertahankan.

<sup>582</sup> Ph.D Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. ikhlas.rosele@yahoo.com

<sup>583</sup> Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. mohdanuar@um.edu.my

<sup>584</sup> Ph.D Candidate, Department of al-Quran and Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. al.muqrabiin@gmail.com

<sup>585</sup> Ph.D Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. kehak@yahoo.com

## SOROTAN PERKEMBANGAN MAZHAB SYAFI'I DI TANAH MELAYU

Mazhab fiqh Syafi'i adalah aliran ilmu fiqh yang diasaskan atau disandarkan kepada imam Muhammad bin Idris al-Syafi'i. Mazhab Syafi'i adalah integrasi aliran pemikiran mazhab Maliki (aliran hadis) dan mazhab Hanafi (aliran *al-ra'y*). Mazhab Syafi'i mula dibangunkan di Baghdad kemudian dikembangkan di Mesir (H. Aboebakar Atjeh, 1977, 37-39).

Mazhab Syafi'i terus berkembang kerana murid-muridnya mendokong dan menyebarkan aliran fiqh Syafi'i ini. Selain itu tulisan-tulisan dan kitab-kitab berteraskan aliran dan metod Syafi'i berkekalan dan menjadi rujukan setiap generasi. Antara ulama yang dikenalpasti mengembangkan mazhab Syafi'i adalah al-Hasan bin Muhammad al-Za'farani dan al-Karabisi di Iraq, Asyhub dan Ibn al-Qasim di Mesir dan Abu Zur'ah al-Dimasyqi di Syam (Zulkifli Muhammad, 2007, 274). Mazhab Syafi'i terus berkembang sehinggalah ke Alam Melayu.

Hakikatnya hingga ke hari ini mazhab Syafi'i berkembang dan menjadi pegangan di banyak negara-negara Islam antaranya; Yaman, Mesir, Syam, Iraq, Afrika Selatan (seperti Somalia), Alam Melayu (seperti, Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei) dan Srilanka (Nu'man Jaghim, 2011, 71).

Perkembangan mazhab Syafi'i di Alam Melayu atau Nusantara begitu terkait dengan kedatangan awal atau perkembangan awal Islam. Alam Melayu khususnya Tanah Melayu telah menerima Islam yang dibawa bersama mazhab fiqh Syafi'i. Kenyataan ini hakikatnya boleh didokong dengan beberapa bukti:

1. Islamisasi di Melaka mempunyai perkaitan dengan penyebaran mazhab Syafi'i. Ini kerana kedatangan pendakwah bernama Sayyid Abdul Aziz ke Melaka yang mempunyai pertalian dan hubungan dengan Syeikh Ismail al-Siddiq (yang telah mengislamkan Pasai) yang mana mereka berdua berasal dari Semenanjung Tanah Arab yang ketika itu merupakan wilayah Islam di bawah pengaruh mazhab Syafi'i (Abdullah Ishak, 1992).
2. Hukum Kanun Melaka merupakan tulisan perundangan yang menjadi antara bukti islamisasi awal di Tanah Melayu. Undang-undang tersebut dilihat berdasarkan mazhab Syafi'i (John Crawfurd 1877; G.W.J. Drewes 1985).
3. Kedatangan golongan Syed yang bermazhab Syafi'i ke Pahang (mahupun negeri lain) yang menjadi bukti penyebaran Islam awal di Tanah Melayu. Kebanyakan syed yang berada di Tanah Melayu adalah datangnya dari satu Daerah iaitu Hadramaut, Yaman (Mahayudin Haji Yahaya, 1984, 3). Terdapat banyak makam Syed yang membuktikan mereka telah sampai di Pekan sebelum Abad ke-15 Masihi (W. Linehan, 1936, 41; Mahayudin Haji Yahaya, 1984, 34).
4. Pedagang dan pendakwah yang datang ke Alam Melayu kebanyakannya dari Parsi, India dan Hadramaut (Tanah Arab) (Azhar Mad Aros, Ali Seman & M. Rajendran, 1991, 335). Tempat-tempat tersebut adalah tempat di mana telah tersebar mazhab Syafi'i. Mazhab Syafi'i telah berkembang secara pesat di Mesir, Iraq, Parsi, Khurasan, *Ma Wara al-Nahr*, Sind, Teluk Parsi, Bahrain, Kuwait, Oman, Hadramaut dan Malabar (India) pada abad ke-3 Hijrah (K. H. Siradjuddin Abbas, 2006, 314).

Oleh kerana itu, didapati fiqh berteraskan mazhab Syafi'i menjadi amalan dan pegangan generasi awal di Tanah Melayu. Amalan bersumber mazhab Syafi'i telah menjadi panduan dan rujukan oleh umat Islam di Alam Melayu umumnya dalam menjalani kehidupan sebagai hamba.

## KEDUDUKAN MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA

Kedudukan mazhab Syafi'i umumnya adalah kesan perkembangan mazhab Syafi'i di Alam Melayu dalam lipatan sejarah. Perkembangan dan pengaruh mazhab Syafi'i di Alam Melayu adalah berdasarkan beberapa faktor. Secara ringkasnya faktor-faktor pengaruh dan pengembangan Mazhab Syafi'i di Alam Melayu adalah seperti berikut (Zulkifli Muhammad, 2011, 64):

- 1- Mazhab yang disebarluaskan oleh pendakwah ialah mazhab Syafi'i

- 2- Raja juga bermazhab dengan mazhab Syafi'i
- 3- Tuan-tuan guru dan ulama' juga bermazhab Syafi'i
- 4- Guru-guru yang mereka belajar sama ada di Mekah ataupun Timur Tengah bermazhab Syafi'i Kitab-kitab yang diajar daripada kitab-kitab fiqh Syafi'i
- 5- Majlis agama kebanyakannya menggalakkan fatwa dalam mazhab Syafi'i

Oleh kerana itu kajian ini menjelaskan kedudukan mazhab Syafi'i di Malaysia. Kedudukan mazhab Syafi'i ini boleh dilihat dalam pelbagai aspek seperti; ibadah, pendidikan, muamalah, fatwa, perundangan dan penulisan. Namun kajian ini hanya menjelaskannya dalam empat aspek sahaja, iaitu; pendidikan, penulisan, fatwa dan perundangan.

### Pendidikan dan Penulisan

Di Malaysia pendidikan berteraskan mazhab Syafi'i digunakan sejak dahulu lagi. Pengajaran dan pendidikan ini dijalankan di tempat-tempat pengajian agama seperti pondok, madrasah dan masjid atau surau (Mohd Roslan Mohd Nor, et.al., 2012, 1159). Kedudukan mazhab Syafi'i dalam pendidikan bagi kajian ini hanya ditinjau dari perspektif sejarah. Ini kerana ia dapat membuktikan bahawa mazhab Syafi'i telah menjadi asas keilmuan masyarakat Islam tempatan. Pendidikan berdasarkan mazhab Syafi'i diterima di Alam Melayu disebabkan beberapa faktor antaranya (Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli, 2007, 51-52):

1. Sifat mazhab Syafi'i yang integratif dengan aliran *ahl al-hadith* dan *ahl al-ra'y* sesuai dengan budaya tempatan
2. Gabungan fiqh dan tasawuf dalam mazhab Syafi'i yang memberi kesan penerimaan positif masyarakat.
3. Ulama yang berlatar belakangkan mazhab Syafi'i telah mengasaskan sistem pendidikan yang sistematik di Alam Melayu yang menjadi punca perkembangannya.

Atas asas itulah mazhab Syafi'i berkembang di Malaysia dalam pendidikan dan pengajaran ilmu agama hingga ke hari ini. Kedudukan mazhab Syafi'i dalam pendidikan berkait rapat dengan kedudukannya dalam penulisan. Kerana penulisan keagamaan akan menjadi bahan pengajaran. Banyak penulisan berdasarkan fiqh mazhab Syafi'i telah diajar di Tanah Melayu. Antara penulisan mazhab Syafi'i yang dikenalpasti digunakan dan diajar di Tanah Melayu iaitu;

1. Kitab *Hidayah al-Muta'allim wa Umdah al-Mu'allim* (selesai dikarang pada tahun 1244H/1828M) merupakan hasil karangan Syeikh Daud al-Fatani. Kitab ini juga dikatakan mendapat sambutan di Gugusan Kepulauan Melayu (Ahmad Sharifuddin Mustapha, 2013, 2). Kitab ini adalah kitab fiqh berdasarkan mazhab Syafi'i.
2. Kitab *al-Sirat al-Mustaqim* karangan Nur al-Din al-Raniri antara kitap fiqh yang penting dalam budaya keilmuan di Alam Melayu. Kitab ini digunakan secara meluas terutamanya di Aceh sehingga abad ke-19 (Abdul Kadir 1996, 31) dan masih lagi digunakan di sebahagian sekolah-sekolah agama di Malaysia pada kurun ke-20 (Raja Mohammed Affandi 1974, 91). Kitab ini juga telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran Islam di Kedah, dimana ianya dihantar ke Kedah atas usaha al-Raniri pada sekitar tahun 1940an bertujuan untuk mengembalikan pengaruh Islam dan mengembangkannya di Kedah (Shukri Ahmad, Ismail Yusoff & Hamzah 2011; Zainuddin 1957, 183). Kitab ini ditulis berdasarkan rujukan-rujukan penulisan fiqh oleh ulama-ulama yang bermazhab Syafi'i pada era taqlid (Jamalluddin & Abdul Karim 2009, 280).
3. Kitab *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din* karangan Sheikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (siap dikarang pada 1192H) juga merupakan kitab fiqh berdasarkan mazhab Syafi'i (Ahmad Dakhoir, 2010, 234). Kitab ini ditulis atas permintaan sultan yang memerintah Banjar ketika itu. Ia dihasilkan untuk dijadikan panduan dan pedoman hukum. Kita ini diajar dan dijadikan bahan pengajaran di pondok-pondok seluruh Asia Tenggara pada awal kurun ke-14H (Muhamad Ismail Abdullah, 2015, 8).

Selain kitab-kitab tersebut, banyak lagi kitab yang digunakan dalam pendidikan tradisional yang berteraskan mazhab Syafi'i. Kitab tersebut antaranya adalah *Minhaj al-'Abidin*, *Munyah al-Musalli* karangan Sheikh Daud al-Fatani dan kitab *Bahjah al-Mubtadin wa Farhatun al-Mubtadin* karangan Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2007, 161). Begitu juga dalam pendidikan moden yang mana fiqh mazhab Syafi'i diserap dalam sibus pembelajaran sama ada di peringkat sekolah rendah (KBSR) maupun sekolah menengah (KBSM) (Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2007, 165).

### Fatwa dan Perundangan

Kedudukan mazhab Syafi'i dalam fatwa dan perundangan di Malaysia akan dilihat secara bersama, Kajian akan melihat kedudukan mazhab Syafi'i dalam fatwa menurut perspektif perundangan. Peruntukan undang-undang melalui enakmen negeri-negeri telah memperkuuhkan kedudukan mazhab Syafi'i di Malaysia. Dengan mengambil kira sejarah perkembangan mazhab Syafi'i di Malaysia pihak berkuasa negeri telah mengambil langkah dengan lebih jelas iaitu menerima pakai mazhab Syafi'i dalam fatwa-fatwa negeri. Sebagai contoh Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan dalam Seksyen 39:

1. Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 34, atau memperakuan apa-apa pendapat di bawah seksyen 38, mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan-pandangan diterima (qaul muktamad) mazhab Syafi'i.
2. Jika Mufti berpendapat bahawa dgn mengikut qaul muktamad mazhab Syafi'i akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.
3. Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Jelas dari peruntukan di atas keutamaan mazhab Syafi'i dalam fatwa berbanding dengan mazhab lain. Satu-satunya perkara yang diambil kira untuk menerima pakai mazhab selain Syafi'i ialah kepentingan awam. Ini adalah satu bentuk siyasah syariyyah daripada pihak pemerintah demi untuk menjaga kemaslahatan keharmonian hidup beragama di negara kita yang telah sebat dengan mazhab Syafi'i dengan pada masa yang sama memberi ruang kepada mazhab lain dalam fatwa jika ada kepentingan awam. Kaedah penyeragaman ini sangat perlu diambil perhatian oleh semua pihak agar keharmonian hidup masyarakat Islam tidak tergugat dengan pendapat-pendapat yang lain dari mazhab Syafi'i yang tidak perlu diketengahkan untuk masyarakat awam.

Dalam perkembangan yang sama Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan telah memutuskan beberapa ketetapan seperti berikut (Ahmad Hidayat Buang, 2004, 167):

1. Semua fatwa yang diputuskan mestilah berdasarkan kepada qawl yang muktabar dalam mazhab Syafi'i. Jika hendak beramal dengan qawl dari mazhab lain maka perlu mendapat restu dari Yang Di Pertuan Agong
2. Umat Islam tidak dipaksa beramal dengan mazhab Syafi'i bahkan boleh beramal dengan mana-mana mazhab lain yang disukai dengan syarat mereka tidak boleh menyalahkan orang-orang yang beramal dengan mazhab Syafi'i.
3. Mazhab-mazhab lain tidak boleh diajar atau disyarah secara terbuka di khalayak ramai namun boleh diajar di majlis-majlis pelajaran
4. Menjadi satu kesalahan jika mengajar mazhab lain selain daripada mazhab Syafi'i secara terbuka
5. Jika fatwa telah dikeluarkan berdasarkan kepada mazhab Syafi'i, maka tiada sesiapa pun boleh membantahnya dengan menggunakan hujah daripada mazhab yang lain

Selain daripada itu Jakim telah menerima pakai cadangan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam agar penyebaran fahaman-fahaman selain mazhab Syafi'i hendaklah dikawal bagi tujuan membendung fahaman yang boleh mengelirukan masyarakat yang tidak terdedah dengan perbezaan mazhab-mazhab. Cadangan ini telah diperkenan oleh Mesyuarat Majlis Raja-raja ke 133 (khas) pada 3 disember 1984 (Wan Zulkifli Wan Hassan, 2002, 139-140).

Satu kajian telah dilakukan untuk melihat kedudukan mazhab syafi'i di Malaysia dengan mengambil fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh MJFMKBHEUIM sebagai sampel, kajian tersebut mendapati kebanyakannya keputusan fatwa berkaitan zakat yang telah diputuskan adalah selaras dengan mazhab Syafi'i kecuali dalam beberapa keputusan seperti, bolehnya wanita menjadi amil yang merupakan padangan dalam mazhab Hanbali dan membayar zakat fitrah dengan menggunakan nilai (mata wang) harga beras berdasarkan pandangan mazhab Hanafiyah. Dapatkan ini dapat menguatkan lagi kenyataan bahawa mufti dan jawatankuasa fatwa memutuskan fatwa berdasarkan pertimbangan mazhab Syafi'i, namun keterikatan kepada mazhab itu akan ditinggalkan apabila ianya dilihat bertentangan dengan maslahah dan kepentingan umum. Ianya juga bertujuan untuk mengelakkan kesempitan dan kesukaran kepada masyarakat (Luqman Hj. Abdullah, et.al., 2013).

### **KEKANGAN TRADISIONALISME, TUNTUTAN LIBERALISME**

Istilah tradisionalisme adalah memberi pengertian konservatif atau mempertahankan yang lama. Tradisionalis didakwa melihat sejarah hanya sebagai sumber inspirasi atau sesuatu yang harus dipertahankan. Pendukungnya juga dikatakan bersikap negatif terhadap pembaharuan dan perubahan. Aliran tradisionalisme dalam Islam sememangnya mempertahankan tradisi asli. Namun, keaslian ini lebih merujuk kepada ajaran-ajaran ulama mazhabiyah atau sikap taklid kepada ulama 4 mazhab (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1997, 15-17).

Tradisionalisme biasanya menggambarkan pemikiran lawan kepada modernisme. Golongan tradisionalisme mempunyai beberapa karakteristik. Antara karakteristik utama golongan tradisionalisme adalah sikap berpegang dan memeliha tradisi pemikiran ulama silam. Kerana itu mereka begitu taat kepada ulama setempat yang membawa pemikiran tersebut. Mereka terikat dengan mazhab (mazhab Syafi'i) (Muhammad Iqbal, 2009, 71). Selain itu, mereka berpegang kepada amalan-amalan ibadah yang dianggap baik walaupun landasan hukum tidak begitu kuat (Muhammad Iqbal, 2009, 73). Sikap ini mungkin kerana keterikatan dan ketaatan mereka terhadap warisan ulama silam.

Golongan tradisionalisme cenderung menghadkan skop ijtihad kerana sikap berpada mereka terhadap pandangan ulama silam. Banyak isu-isu yang timbul kesan daripada prinsip aliran tradisionalisme lebih-lebih lagi apabila munculnya gerakan modernisme dan reformisme (merujuk kepada gerakan salafiyah). Antara isu-isu yang menjadi polemik adalah pendirian mereka terhadap hukum talkin, zikir-zikir, wirid berjemaah, melafazkan niat dan seumpamanya (Saadan Man & Abdul Karim Ali, 2005, 79). Polemik ini bukan berlaku disebabkan sebelah pihak sahaja, ia disebabkan pendirian dan prinsip kedua-dua belah pihak.

Liberalisme merujuk kepada golongan yang memperjuangkan kebebasan. Kebebasan tersebut adalah bebas tanpa batas selagi mana sesuai dengan akal budi manusia. Hal ini kerana hukum menurut golongan liberal adalah perintah akal budi (Huzaimah Tahido Yango, et.al., (ed.), 2004, 78). Asas atau prinsip utama golongan liberalisme (pasca modernisme) dalam Islam adalah: kebebasan berfikir dibuka seluas-luasnya, mewujudkan pandangan keraguan (skeptikal) dan serba relatif (bermakna sesuatu hukum masih memerlukan perubahan dan penilaian) dan manifestasi kemunafikan (Wan Zahidi Wan Teh, t.t.,).

Liberalisme hakikatnya lebih memberi ancaman kepada mazhab Syafi'i di Malaysia. Ini kerana kecenderungan golongan ini untuk merubah hukum-hukum agama sesuai dengan perspektif mereka. Mereka banyak menimbulkan polemik dalam hukum Islam seperti membenarkan perkahwinan beza agama, perkahwinan sejenis dan mempertikaikan hukum hudud (Mohammad Ariffin Ismail, 2006, 17-22). Golongan liberalisme sering melakukan kritikan terhadap kelemahan sistem fiqh Islam. Kerana fiqh Islam di Malaysia didakwa

ketinggalan zaman dan terikat dengan pandangan silam dan timur tengah (Rahimin Affandi Abd. Rahim, Shamsiah Mohamad, Paizah Ismail, Nor Hayati Mohd Dahlal, 2010, 2-3).

### **RELEVANSASI MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA**

Mahmood Zuhdi (2007) menjelaskan bahawa mazhab Syafi'i masih mempunyai masa depan yang terjamin di negara ini. Alasannya adalah;

1. Kerana sejarahnya yang begitu cemerlang
2. Kerana ia telah diterima oleh akar umbi masyarakat dan telah merupakan sebahagian daripada budaya mereka
3. Sifatnya yang sederhana dan sesuai dengan kesederhanaan corak hidup masyarakat rantau ini.
4. Kerana ada sokongan undang-undang.
5. Kerana ada barisan pendukung yang terus menguasai birokrasi.

'Walaupun begitu tanpa reformasi ia tidak boleh bertahan lama dengan selesa. Ini kerana mazhab Syafi'i yang diamalkan sekarang adalah mewakili rumusan zaman dan budaya hidup yang berbeza daripada apa yang ada di sini sekarang. Keputusan hukum yang ada adalah hasil ijтиhad zaman lampau dan bukannya hasil metode ijтиhad yang digunakan. Tambahan pula perubahan keadaan yang terlalu pesat dan permasalahan yang lebih komplikated memerlukan kepada satu penjelasan hukum yang baru dan selari dengan perubahan (Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid, 2007, 36-37).

Pengukuhan terhadap kelestarian mazhab Syafi'i di Malaysia perlu dilakukan. Antara tindakan yang boleh diambil ialah melihat relevansasi mazhab Syafi'i di Malaysia. Jika diamati kekangan tradisionalisme mendatangkan kesan kepada keanjalan dan kesusaian aplikasi mazhab Syafi'i di Malaysia. Sikap menyempitkan ruang lingkup mazhab dan terhad kepada rujukan silam atau kitab kuning hakikatnya memberi impak negative terhadap kelangsungan mazhab Syafi'i.

Perlu diamati bahawa apabila disebut sebagai mazhab ia bukanlah terhad kepada apa yang terdapat di dalam kitab. Sememangnya diakui kebanyakan kitab kuning yang dijadikan bahan pengajaran utama dalam sistem pendidikan tradisional banyak merujuk kepada kitab-kitab yang dikarang pada zaman taqlid. Hal itu, sedikit sebanyak menjadi faktor wujudnya pendekatan tradisionalisme ini.

Manakala tuntutan liberalisme agar bersikap terbuka dan memberi kebebasan dalam penafsiran hukum juga memberi kesan negatif terhadap kelangsungan mazhab Syafi'i. Tindakan sebegini bukan sahaja satu bentuk dekonstruksi hukum Islam bahkan telah mengenepikan mazhab yang menjadi panduan umat Islam. Bermazhab bukanlah sesuatu yang mengikat, ia merupakan satu metodologi khusus dalam hukum dan amalan. Mazhab dibina untuk mengekalkan integriti sesuatu hukum Islam. Ia mengelakkan daripada kebebasan dalam penafsiran yang akhirnya tersasar dan menyimpang dari kehendak Syara'.

Tindakan golongan liberalisme ini adalah untuk membina hukum berdasarkan kaca mata barat atau moden. Mereka manafikan pembinaan hukum berdasarkan mazhab dengan melakukan penafsiran hukum secara bebas. Perlakuan ini adalah mengenepikan autoriti mazhab sebagai panduan hukum dan metodologi penetapan hukum. Keadaan ini membiarkan sesiapa sahaja boleh melakukan penafsiran terhadap agama tanpa metodologi khusus dan penguasaan kepada ilmu agama. Aksi seumpama ini bukan sahaja merosakkan pegangan mazhab Syafi'i bahkan merosakkan agama Islam umumnya. Pengaruh liberalisme perlu dihakis dan masyarakat. Perlu disedarkan bahawa manhaj dan metodologi penetapan hukum merupakan sesuatu yang dipelihara agar kefahaman terhadap agama tidak menyimpang.

Berbalik kepada kenyataan bahawa mazhab bukanlah sesuatu keputusan hukum terhadap sesuatu persoalan di dalam kitab yang ditulis. Mazhab merupakan satu aliran pemikiran atau disebut sebagai "school of thoughts". Oleh itu, dapat difahami bahawa satu pemikiran tidak semestinya diukur dengan semata-mata penulisan. Ia perlu dilihat dari sudut suasana setempat, zaman, metodologi penulisan, metodologi istinbat dan sebagainya. Selain itu, walaupun sikap berpegang kepada mazhab Syafi'i di anjurkan ia masih membuka ruang

untuk menggunakan pendapat di dalam mazhab lain yang dapat memberi kemaslahatan kepada umat Islam.

Contohnya dalam amalan kefatwaan di Malaysia yang mengutamakan mazhab Syafi'i. Asasnya ia adalah untuk menjaga orang awam dari terdedah kepada kekeliruan aliran mazhab yang berbagai. Kedudukan mazhab Syafi'i yang telah sebatik dalam kehidupan orang awam boleh menimbulkan kekeliruan jika mazhab lain turut didedahkan kepada awam (Luqman Haji Abdullah & Nima Jihatea, 2007, 113-115). Oleh itu, walaupun Mufti dan Jawatankuasa Fatwa mengeluarkan fatwa berdasarkan pertimbangan mazhab Syafi'i, terdapat juga beberapa fatwa yang diasaskan pada mazhab lain (Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2007, 166), ini adalah kerana keterikatan kepada mazhab ditinggalkan apabila ia dilihat bertentangan dengan maslahah atau kepentingan umum (Noor Naemah Abdul Rahman, Abdul Karim Ali & Ridzwan Ahmad, 2004, 188). Dengan pendekatan ini kelangsungan mazhab Syafi'i dapat berlaku di Malaysia dengan harmoni.

Begitu juga sistem pendidikan mazhab Syafi'i yang berlangsung di Malaysia. Penerapan asas dan hukum berteraskan mazhab perlu dilakukan dan diteruskan pada peringkat awal pendidikan. Ia sentiasa dikembangkan ruang lingkupnya bagi setiap peringkat. Pada peringkat pengajian tinggi atau universiti pendedahan terhadap khilaf, fiqh perbandingan mazhab dan metodologi penetapan hukum mazhab Syafi'i perlu ditekankan.

Perlu ditegaskan kembali bahawa mazhab Syafi'i merupakan aliran pemikiran yang diasaskan oleh imam Syafi'i dan pendokongnya (dikalangan muridnya). Ini bermakna keputusan hukum di dalam kitab fiqh tidak menggambarkan mazhab Syafi'i keseluruhannya. Oleh itu, jika sesuatu hukum tidak ditemui dalam kitab fiqh Syafi'iyyah atau ia wujud namun tidak sesuai di Malaysia hendaklah para ilmuan mewujudkan hukum yang baru. Memutuskan sesuatu hukum tersebut hendaklah berpandukan kepada metodologi istinbat, kaedah usul, *qawa'id tafsir al-nusus*, kaedah fiqhiiyah atau selainnya yang berdasarkan mazhab Syafi'I (Abdul Karim Ali, 2007, 82-83). Akhirnya suatu hukum dapat diputuskan dan ia masih dalam kerangka mazhab Syafi'i.

Selain itu, sewajarnya ditelusuri peranan uruf dalam penetapan hukum. Penerimaan para ulama terhadap elemen uruf telah menggambarkan keanjalan ilmu fiqh. Imam Syafi'i sememangnya terkenal dengan menerapkan dan mengaplikasi uruf dalam penetapan hukum. Atas dasar itulah wujudnya *qaul al-qadim* dan *qaul al-jadid* imam Syafi'i. Berlandaskan kenyataan ini dalam menentukan hukum di Malaysia perlulah mengambilkira peranan uruf (kesesuaian zaman dan tempat). Jika disebut kembali mengenai wujudnya gagasan Fiqh Malaysia<sup>586</sup> yang cuba diperkenalkan untuk membentuk satu ilmu fiqh selaras dengan keadaan di Malaysia. Gagasan ini sewajarnya diperjuangkan. Pada hakikatnya ia lansung tidak mengancam kelangsungan mazhab Syafi'i. Akan tetapi gagasan ini mampu memperkasa amalan mazhab Syafi'i dalam kerangka setempat (Malaysia). Ia juga mampu untuk mengatasi isu tradisionalisme dan menyanggah sebarang tuntutan golongan liberalisme.

## KESIMPULAN

Walaupun kajian ini menjurus mempertahankan mazhab Syafi'i di Malaysia, namun ia tidak menafikan amalan mazhab lain turut diterima terutamanya jika ia menyentuh kemaslahatan umum. Kajian ini juga menyatakan bahawa mazhab Syafi'i masih relevan dipegang dan dijadikan panduan di Malaysia. Walaupun begitu, kerangka pemikiran dan sudut pandang dalam berpegang kepada mazhab Syafi'i perlu diperkasakan. Tindakan ini mampu menjamin kelangsungan mazhab Syafi'i di Malaysia berlaku dengan harmoni.

586

Gagasan Fiqh Malaysia ini dipelopori oleh ahli akademik Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang diketuai oleh Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Ab. Majid.

## RUJUKAN

- Abdul Kadir, H. M. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Ali (2007). Tajdid Fiqh Mazhab Syafi'i di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4: 77-84.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Gema Insani Press.
- Abdullah Ishak (1992). *Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Dakhoir (2010). Pemikiran Shaikh Muhammad Arshad al-Banjari. *ISLAMICA*, 4(2): 230-247.
- Ahmad Hidayat Buang, (2004). Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia. dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.
- Ahmad Sharifuddin Mustapha (2013). Kitab Hidayah al-Muta'allim wa Umdah al-Mu'allim Karangan Sheikh Daud al-Fatani: Kajian Teks dan Analisis. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya. 2.
- Azhar Mad Aros, Ali Seman & M. Rajendran (1991). *Sejarah Islam*. Petaling Jaya: IBS Buku.
- G.W.J. Drewes (1985). New Light On The Coming Of Islam To Sumatera. Dalam Ahmad Ibrahim, et.al, (ed.), *Reading On Islam In Southeast Asia*. Singapore: Institute Of Southeast Asia Studies.
- H. Aboebakar Atjeh (1977). *Ilmu Fiqh Islam dalam Lima Mazhab*. Jakarta: Islamic Research Institute.
- Huzaimah Tahido Yanggo, et.al, (ed.) (2004). *Membendung Liberalisme*. Jakarta: Penerbit Republika.
- Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2007). Pembudayaan Mazhab Syafi'i dalam Masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4: 157-172.
- Idris Awang dan Tengku Sarina Aini, "Pembudayaan Mazhab Syafi'i Dalam Masyarakat Islam di Malaysia," *Jurnal Fiqh* 4, (2007), 157-172.
- Jamalluddin Hashim dan Abdul Karim Ali (2009). Metode Penulisan Fiqh Oleh Nur al-Din al-Raniri dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim. *Jurnal Syariah* 17(2): 267-298.
- John Crawfurd (1877). *History of The Indian Archipelago*. London: Frank Cass and Co. Ltd., vol. III.
- K. H. Siradjuddin Abbas (2006). *Sejarah dan Keagungan Madzhab Syafi'I*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah Baru.
- Luqman Haji Abdullah dan Nima Jihatea (2007). Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafi'i Masyarakat Melayu. *Jurnal Fiqh*, 4: 103-118.
- Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj. Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Ummi Farahin Yasin, Mohd Anuar Ramli & Wan Zulkifli Wan Hassan (2013). Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010. Kertas kerja Seminar Isu-Isu Kontemporeri Dalam Mazhab Shafi'i, UNISSA, Brunei.
- Mahayudin Haji Yahaya (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid (2007). Mazhab Syafi'i di Malaysia: Sejarah, Realiti dan Prospek Masa Depan. *Jurnal Fiqh*, 4: 1-38.
- Mohammad Ariffin Ismail (2006). *Cabarani Akidah: Pemikiran Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Ahmad Zaki Berahim Ibrahim, Abdullah Yusof, Muhamad Fauzi Zakaria & Mhd Faizal Mhd Ramli (2012). Early History of Islamic Education and Its Expansion in The State of Kelantan. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 11(8): 1153-1160.

- Muhamad Ismail Abdullah (2015). *Mazhab Shafi'i dan Perkembangannya di Alam Melayu*. Kertas kerja dibentangkan di Kolokium Islam Pahang, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, pada 20-30 Mac 205.
- Muhammad Iqbal (2009). *Hukum Islam Indonesia Modern: Dinamika Pemikiran dari Fiqh Klasik ke Fiqh Indonesia*. Tangerang: Gaya Media Pramata.
- Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim Ali dan Ridzwan Ahmad (2004). Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa-Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Dalam Irwan Mohd Subri, Abidah Abdul Ghafar, Abdul Manan Ismail, Azman Ab Rahman dan Farida Zou Zou (ed.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 (SUFI 2004)* (Nilai: Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIM, 2004).
- Nu'man Jaghim (2011). *Madkhal Ila al-Mazhab al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Shamsiah Mohamad, Paizah Ismail, Nor Hayati Mohd Dahlal (2010). Konsep Fiqah Malaysia Dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan. *Kajian Malaysia*, 28(2): 1-38.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anuar Ramli (2007). Mazhab Syafi'i dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 4: 39-76.
- Raja Mohammed Affandi (1974). *Tokoh-Tokoh Melayu Yang Agung Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saadan Man & Abdul Karim Ali (2005). Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan Aliran Syafi'iyyah dan Salafiyyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus. *Jurnal Fiqh*, 2: 73-96.
- Shukri Ahmad, Ismail Yusoff & Hamzah (2011). Pendekatan Dakwah Ulama Sufi Nusantara Abad ke-17M dan 18M: Suatu Analisis Perbandingan dengan Pendekatan Dakwah Ulama Malaysia Abad ke-21. Dalam Azmul Fahimi, K., et.al. (Eds.), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemancu Transformasi Negara* (hh. 427-432). Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- W. Linehan (1936). *A History of Pahang*. Kuala Lumpur: the MBRAS.
- Wan Zahidi Wan Teh (t.t.). *Gerakan Islam Liberal di Indonesia dan Kaitannya dengan ESQ*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Wan Zulkifli Wan Hassan (2002). Doktrin Sadd al Dhazara'i' dan Pemakaianya dalam Membendung Ajaran Sesat: Satu Kajian di JAKIM. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan, Jabatan Fiqh & Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2011). Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Dalam Mengeluarkan Fatwa. Dlm. Hajah Wan Morsita Wan Sudin (eds.), *Monograf al-Ifta'(Siri 2)*. Selangor: JAKIM.
- Zulkifli Muhammad al-Bakri (2010). *Istilah-Istilah Fiqah dan Usul Empat Mazhab*. Putrajaya: JAKIM.